


# SKIM FELO SISWAZAH

(Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2009)



## SKIM FELO SISWAZAH UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



### **SUB-BAHAGIAN :**

- 1. TERMA DAN SYARAT
- 2(A). SYARAT DAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR (HADIAH LATIHAN)
- 2(B). KEMUDAHAN BAGI PENGAJIAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA
- 2(C). SYARAT-SYARAT AM

**SUB BAHAGIAN 1:  
TERMA DAN SYARAT**

| NO | PERKARA         | BUTIRAN/PENERANGAN   |
|----|-----------------|--|
| 1  | Syarat Lantikan | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mendapat kelulusan CGPA 3.5 ke atas; atau</li> <li>● Ijazah Sarjana yang cemerlang dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mendapat CGPA 3.5 ke atas pada peringkat ijazah sarjana muda;</li> </ul> <p>DAN</p> <p>Memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM.</p> <p>* catatan :</p> <p>(a) Tawaran pelantikan di bawah Skim Felo Siswazah ini tidak terpakai bagi bidang Perubatan/ Pergiagaan di bawah Gred DU/DUG. Skim ini hanya terpakai untuk Gred DS sahaja.</p> <p>(b) Skim Felo Siswazah ini hanya terbuka kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan sahaja</p> <p><b><u>Pengecualian :</u></b></p> <p>(a) Pelajar Tahun Akhir USIM yang berpotensi boleh memohon skim ini untuk dipanggil temuduga. Walaubagaimanapun tawaran adalah tertakluk selepas calon memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan.</p> <p>(b) Calon dibenarkan bekerja dalam mana-mana organisasi dalam tempoh persediaan melanjutkan pengajian yang diperuntukkan. Perkhidmatan dalam mana-mana organisasi tersebut hendaklah ditamatkan dalam tempoh 30 hari sebelum memulakan pengajian.</p> |



| NO | PERKARA        | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|----------------|---|
| 2  | Had Umur       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon Ijazah Sarjana: tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi daripada 30 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> <li>• Calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD): tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi daripada 35 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ul>  |
| 3  | Taraf Tawaran  | Sementara   |
| 4  | Tempoh Tawaran | <p>(i) Pelantikan ini adalah bertaraf sementara berkuatkuasa mulai tarikh melapor diri atau sehingga Felo Siswazah menamatkan pengajian peringkat PhD.</p> <p>(ii) Dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh melapor diri, Felo Siswazah dikehendaki membuat persediaan dan menyempurnakan keperluan untuk memulakan pengajian dan sepanjang tempoh tersebut, tiada sebarang elaun akan dibayar. Pada genap tempoh satu (1) tahun tersebut atau pada suatu tarikh yang lebih awal setelah semua keperluan cuti belajar dipenuhi, Felo Siswazah perlu memulakan pengajian (<i>permohonan penyambungan pengajian di USIM adalah diutamakan</i>). Sebaik sahaja memulakan pengajian, Felo Siswazah akan dibayar Elaun Peribadi dan elaun-elaun Cuti Belajar serta kemudahan-kemudahan lain yang tersenarai dalam skim ini mengikut kadar dan kelayakan yang ditetapkan.</p> <p>(iii) Pelantikan ini akan ditamatkan sekiranya Felo Siswazah gagal/masih tidak memulakan pengajian selepas berakhirnya tempoh satu tahun dari tarikh lapor diri yang diberikan.</p> <p>(iv) Sekiranya Felo Siswazah berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana, Felo Siswazah akan diberikan tempoh selama 6 bulan dari tarikh lapor diri untuk memulakan pengajian peringkat PhD. Pelantikan ini akan ditamatkan dan tuntutan gantirugi berdasar kos sebenar yang telah dibayar akan dikenakan sekiranya Felo Siswazah gagal/masih belum memulakan pengajian PhD selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir. Permohonan pelanjutan untuk memulakan pengajian peringkat PhD hanya akan diluluskan setelah Universiti berpuas hati dengan alasan permohonan pelanjutan yang dikemukakan. Dalam tempoh pelanjutan tersebut, pihak Universiti tidak akan membayar apa-apa elaun kepada Felo Siswazah.</p> <p>(v) Sepanjang lantikan, Felo Siswazah juga terlibat dengan kursus pengajaran yang dipersetujui oleh Dekan/ Ketua Jabatan / Pengarah sebagai asas persediaan.</p> |

| NO | PERKARA                        | BUTIRAN/PENERANGAN   |
|----|--------------------------------|--|
| 5  | Elaun Peribadi                 | <p>Felo Siswazah akan dibayar Elaun Peribadi pada kadar dan kelayakan yang ditetapkan sebaik sahaja memulakan pengajian:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajian Sarjana : RM1100.00 sebulan</li> <li>• Pengajian PhD : RM 1100.00 sebulan</li> </ul> <p>* catatan :</p> <p>Peruntukan Elaun Peribadi diambil daripada peruntukan OS41000 dan tidak tertakluk kepada syarat caruman KWSP/kelayakan bonus tahunan serta pergerakan gaji tahunan.</p> |
| 6  | Ikatan Perjanjian              | <p>Felo Siswazah dikehendaki untuk berkhidmat dengan USIM mengikut perjanjian yang ditandatangani.</p> <p>Felo Siswazah perlu mendapatkan pelepasan daripada ikatan biasiswa/tajaan dengan mana-mana pihak yang telah membiayai pengajian sebelum ini (jika ada).</p>  |
| 7  | Kelayakan/ Kemudahan Perubatan | <p>Dalam tempoh satu tahun dari tarikh melapor diri atau suatu tempoh sebelum memulakan pengajian, Felo Siswazah tidak tertakluk kepada mana-mana kemudahan/kelayakan perubatan sebagaimana yang dinikmati oleh staf lain.</p>   |

| NO | PERKARA                              | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|--------------------------------------|---|
| 8  | Tawaran Lantikan Ke Jawatan Akademik | <p>(i) Pelantikan ke jawatan pensyarah atau mana-mana jawatan di USIM adalah bukan automatik dan tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara mutlak Universiti berdasarkan kepada kriteria-kriteria dan syarat-syarat pelantikan yang berkuatkuasa.</p> <p>(ii) Sekiranya Felo Siswazah berjaya menamatkan pengajian peringkat PhD, Felo Siswazah akan dilantik sebagai Pensyarah Sementara Gred DS45/DS51 setelah melapor diri kembali daripada bercuti belajar tertakluk kepada telah memenuhi semua syarat skim perkhidmatan yang berkaitan.</p> <p>(iii) Felo Siswazah akan dipanggil temu duga ke jawatan Pensyarah Gred DS45/DS51 secara tetap tertakluk kepada kekosongan jawatan dan mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan serta telah memenuhi segala syarat lantikan seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkaitan. Setelah dilantik secara tetap, Felo Siswazah terikat untuk berkhidmat dengan USIM selama tempoh yang dinyatakan dalam Perjanjian Cuti Belajar. Sekiranya Felo Siswazah dilantik secara sementara pada Gred DS45, setelah pelantikan secara tetap ke Gred DS51 diluluskan, gaji dan elaun Felo Siswazah akan diselaraskan berkuatkuasa pada lantikan ke Gred DS51.</p> <p>(iv) Sekiranya selepas setahun daripada tarikh tamat pengajian, Felo Siswazah masih tidak dipanggil temu duga untuk mengisi jawatan secara tetap di USIM, maka Felo Siswazah akan dilepaskan daripada ikatan perjanjian.</p> <p>(v) Sekiranya Felo Siswazah tidak memenuhi syarat untuk dipanggil temu duga sepertimana di perkara (i) di atas, Felo Siswazah diberi tempoh satu tahun untuk usaha melayakkan diri dipanggil temu duga. Sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun tersebut berakhir dan Felo Siswazah masih gagal untuk memenuhi syarat tersebut (contohnya masih belum menamatkan pengajian dalam tempoh setahun selepas melapor diri), Felo Siswazah akan dianggap melanggar perjanjian dan tuntutan Page 5 tuntuturugi akan dikenakan.</p> |

| NO | PERKARA                 | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|-------------------------|---|
| 9  | Penamatan Felo Siswazah | <p>Felo Siswazah boleh menamatkan/membatalkan tawaran dengan memberi 30 hari notis bertulis dan membayar jumlah kos sebenar yang telah dibayar oleh Universiti sebelum boleh ditamatkan/ dibatalkan oleh kedua-dua belah pihak dengan syarat-syarat berikut:</p> <p>(a) Sebelum memulakan pengajian:</p> <p>(i) memberi notis secara bertulis.</p> <p>(b) Selepas memulakan pengajian :</p> <p>(i) UNIVERSITI pada bila-bila masa boleh menamatkan/ membatalkan pelantikan sekiranya didapati prestasi pengajian atau terdapat mana-mana pelanggaran perjanjian yang dilakukan oleh Felo Siswazah dengan memberi 30 hari notis bertulis. Dalam hal ini, UNIVERSITI akan menuntut jumlah kos sebenar yang telah dibayar olehnya kepada Felo Siswazah sebagai gantirugi penamatan pelantikan.</p> <p>(ii) Felo Siswazah boleh menamatkan/ membatalkan pelantikan dengan memberi 30 hari notis bertulis dan membayar jumlah kos sebenar yang telah dibayar oleh UNIVERSITI kepadanya sebagai gantirugi penamatan pelantikan.</p> |

## SUB BAHAGIAN 2:

## (A) SYARAT DAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR (HADIAH LATIHAN)

| NO | PERKARA   | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|---|---|
| 1  | Umum  | <p>Felo Siswazah yang telah tawarkan oleh USIM layak memohon untuk dipertimbangkan bagi mendapatkan kemudahan Cuti Belajar/ Hadiah Latihan yang disediakan di bawah Skim Felo Siswazah USIM. Felo Siswazah yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana diberi tempoh tiga bulan dari tarikh lapor diri untuk menyambung dan memulakan pengajian peringkat PhD. Untuk itu, Felo Siswazah perlu membuat permohonan cuti belajar semula dengan mengemukakan semua dokumen yang diperlukan dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan.</p>  |
| 2  | Syarat-syarat permohonan cuti belajar/ Hadiah Latihan | <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Warganegara Malaysia/ Bumiputera.</li> <li>(ii) Umur Maksima: 35 tahun-Sarjana, 40 tahun-Ph.D.</li> <li>(iii) Ijazah Sarjana Muda yang baik-CGPA 3.5</li> <li>(iv) Tidak menerima sebarang bentuk penajaan dari lain-lain penaja</li> <li>(v) Tiada ikatan perjanjian dengan pihak-pihak lain</li> <li>(vi) Lulus Tapisan Keselamatan Kerajaan (untuk pengajian luar negara)</li> <li>(vii) Menghadiri dengan jayanya Kursus Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara (untuk pengajian luar negara)</li> <li>(viii) Permohonan mendapat kelulusan/ sokongan Ketua Jabatan</li> <li>(ix) Mendapat surat tawaran rasmi tempat pengajian; (tawaran tanpa syarat)</li> <li>(x) Diterima masuk ke universiti yang mempunyai ranking atau rating yang ditetapkan</li> <li>(xi) Menghadiri dengan jayanya Kursus Metodologi Penyelidikan</li> </ul> |

| NO | PERKARA   | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|---|---|
| 2  | Syarat-syarat permohonan cuti belajar/ Hadiah Latihan | <p>(xiii) Memenuhi syarat Bahasa Inggeris yang ditetapkan.</p> <p>-Syarat Lulus Bahasa Inggeris adalah bagi peperiksaan TOEFL / IELTS atau peperiksaan lain yang berkaitan dengan permohonan untuk mendapatkan tempat pengajian (GRE/GMAC dan sebagainya) dan harus diberi perhatian bahawa sijil tersebut mempunyai tempoh <b><u>sah laku selama 3 tahun sahaja</u></b> daripada tarikh peperiksaan diambil)</p> <p>(a) Felo Siswazah yang memohon Cuti Belajar hendaklah lulus peperiksaan Bahasa Inggeris dengan mencapai skor yang ditetapkan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• TOEFL - 600 (<i>paper-based</i>) atau 240 (<i>computer-based</i>) atau 95 (<i>internet-based</i>) bagi pengajian luar negara, atau 550 (<i>paper-based</i>) atau 213 (<i>computer-based</i>) atau 79 (<i>internet-based</i>) bagi pengajian dalam negara, <b>ATAU</b></li> <li>• IELTS - 6.0 ke atas bagi pengajian ke luar negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, atau 5.0 ke atas bagi pengajian dalam negara. Kelonggaran boleh dipertimbangkan bagi pengajian ke luar negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar iaitu Lulus IELTS 5.5 ke atas.</li> </ul> <p>(b) <b><u>Pengecualian</u></b> di berikan untuk pengajian dalam negara sahaja seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Semasa mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama, bahasa pengantar bagi keseluruhan kursusnya menggunakan Bahasa Inggeris ; atau</i></li> </ul> |

| NO | PERKARA   | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|---|---|
| 2  | Syarat-syarat permohonan cuti belajar/ Hadiah Latihan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai kelayakan ijazah sarjana dari universiti luar Negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar; atau</li> <li>• Felo Siswazah yang mengikuti pengajian dalam bidang bahasa</li> </ul> <p>(iv) Bebas dari sebarang tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib.</p>  |
| 3  | Dokumen Permohonan Yang Di Perlukan                   | <p>(i) Borang permohonan Cuti Belajar USIM</p> <p>(ii) Borang JPA (L) LDP 1B/96 (2 salinan asal)</p> <p>(iii) Salinan surat tawaran rasmi universiti yang lengkap mengenai butiran kemasukan/pendaftaran (tawaran tanpa syarat)</p> <p>(iv) Borang Curriculum Vitae -KPTM</p> <p>(v) Salinan keputusan ujian Bahasa Inggeris TOEFL / IELTS</p> <p>(vi) Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran pemohon, ibu dan bapa pemohon,serta isteri dan anak (jika telah berkeluarga).</p> <p>(vii) Salinan Sijil Akademik (SPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana)</p> <p>(viii) Sijil Kursus Biro Tata Negara (luar negara)</p> <p>(ix) Sijil Kursus Metodologi Penyelidikan</p> <p>(x) Salinan Sijil Nikah (jika telah berkahwin)</p> <p>(xi) 2 Borang Tapisan Keselamatan bagi Felo Siswazah dan pasangan.</p> <p>(xii) Salinan proposal penyelidikan (jika berkaitan)</p> |

| NO | PERKARA  | BUTIRAN/PENERANGAN  |
|----|--|---|
| 4  | Kemudahan dan Syarat Biasiswa Skim Felo Siswazah | <p>Bagi Felo Siswazah yang telah diluluskan untuk mendapat penajaan (Hadiah Latihan) terdapat beberapa kemudahan (elaun dan bayaran) yang akan diterima dan syarat yang perlu dipatuhi iaitu sebagaimana berikut:</p> <p><b>A. Pembayaran Elaun</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Elaun Peribadi diuruskan oleh Jabatan Bendahari, USIM.</li> <li>2. Elaun-elaun lain seperti Elaun Sara Hidup, Elaun Alat Perkakas, Yuran Pengajian, Elaun Akhir Pengajian, Elaun Tesis dan Elaun Penempatan (bagi calon sahaja) akan dibayar oleh KPTM (Bagi yang berjaya mendapat biasiswa SLAB/SLAI).</li> <li>3. Elaun untuk keluarga seperti Elaun BanFelo Siswazah Sewa Rumah, Elaun BanFelo Siswazah Keluarga, Elaun Penempatan Keluarga dan Elaun Akhir Pengajian Keluarga akan dibayar oleh USIM berdasarkan syarat yang berkuatkuasa.</li> <li>4. Calon perlu memaklumkan kepada pihak USIM sekiranya menerima Biasiswa atau sebarang bentuk banFelo Siswazah kewangan dari luar semasa pengajian. Sekiranya banFelo Siswazah yang diterima melebihi daripada kadar Biasiswa maka USIM/PKT hanya membayar kadar perbezaan. Sekiranya Felo Siswazah tidak melaporkan kepada pihak USIM mengenai perkara ini, tindakan tatatertib yang sewajarnya akan diambil dan biasiswa boleh ditamatkan.</li> <li>5. Pasangan suami-isteri yang mengikuti kursus yang sama di Universiti yang sama dan tinggal bersama atau mengikuti kursus di Universiti yang berlainan tetapi tinggal bersama, salah seorang daripadanya hanya layak diberi <b>separa biasiswa</b>.</li> </ol> |

## SUB BAHAGIAN 2:

## (B) KEMUDAHAN BAGI PENGAJIAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA

| NO | BENTUK KEMUDAHAN                | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA   |
|----|---------------------------------|---|---|
| 1  | Tambang Perjalanan              | TIADA   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• USIM akan mengatur jadual penerbangan Felo Siswazah dan keluarga bagi mereka yang diluluskan membawa keluarga mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.</li> <li>• Tambang perjalanan hanya diberi kepada suami/isteri Felo Siswazah serta anak yang berumur kurang daripada 13 tahun pada tarikh bertolak dan terhad 3 orang anak sahaja.</li> </ul> |
| 2  | Elaun Pakaian Panas             | TIADA   | Mengikut kelayakan dan peraturan berkuatkuasa.  |
| 3  | Elaun BanFelo Siswazah Keluarga | Bagi Felo Siswazah yang membawa :<br>(1) Suami/isteri= RM100<br>(2) Suami/isteri dan 1 anak = RM150<br>(3) Suami/isteri dan 2 anak atau lebih = RM200 | Bagi Felo Siswazah yang membawa :<br>(1) Suami/isteri = 30% x ESH<br>(2) Suami/isteri dan 1 anak = 30% x ESH<br>(3) Suami/isteri dan 2 anak atau lebih = 40% x ESH  |

| NO | BENTUK KEMUDAHAN                                     | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA   |
|----|--|---|---|
| 4  | Elaun Akhir Pengajian                                | TIADA   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar kepada Felo Siswazah yang mengikuti pengajian selama Sembilan bulan atau lebih.</li> <li>• Dibayar setelah tamat pengajian di negara berkenaan.</li> </ul>   |
| 5  | Kemudahan Rawatan Perubatan* (rujuk ruangan catatan) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah akan menikmati faedah di bawah skim perubatan USIM.</li> <li>• Felo Siswazah dan tanggungan yang memerlukan rawatan di Hospital Kerajaan perlu mendapatkan Surat Jaminan Perubatan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah perlu mengambil skim insurans kesihatan di negara berkenaan.</li> <li>• Premium insuran (terhad insurans kesihatan sahaja) untuk Felo Siswazah akan dibayar oleh KPTM dan untuk keluarga akan dibayar oleh USIM.</li> <li>• Dengan pengambilan insurans kesihatan ini, USIM dan KPTM tidak bertanggungjawab membayar bil-bil rawatan perubatan.</li> </ul> |

| NO | BENTUK KEMUDAHAN  | PENGAJIAN TEMPATAN   | PENGAJIAN LUAR NEGARA  |
|----|---|--|--|
| 5  | <p><b>* catatan kemudahan rawatan perubatan:</b></p> <p>i. <i>Felo Siswazah adalah dikehendaki menjalani dan lulus pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau klinik panel universiti dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang diberikan dan mengembalikan borang tersebut sebelum memulakan pengajian. Sekiranya Felo Siswazah tidak lulus pemeriksaan tersebut, tawaran biasiswa boleh ditarik balik.</i></p> <p>ii. <i>Bagi pengajian luar negara, pihak Insuran, KPT dan USIM tidak akan menanggung sebarang rawatan atau perbelanjaan bagi pegawai atau keluarga pegawai yang telah mula sakit sebelum pemergian ke luar negara.</i></p> |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di negara yang tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan, Felo Siswazah boleh menuntut bayaran perubatan hospital atau klinik dan pembelian ubat mengikut preskripsi doktor kepada USIM dengan mengemukakan salinan bil rasmi/ asal yang terhad kepada maksima tuntutan RM1000,00 setahun (sekeluarga) sahaja.</li> </ul> |
| 6  | Kemudahan Rawatan Pergigian   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada perkhidmatan mencabut dan menampal gigi (tidak termasuk penampalan yang dibuat dengan logam yang mahal) bagi Felo Siswazah dan tanggungan</li> </ul>  |  |
| 7  | Elaun Penempatan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar sebelum Felo Siswazah bertolak ke tempat pengajian.</li> <li>• Dibayar sekali sahaja.</li> <li>• Bagi Felo Siswazah yang membawa keluarga, Elaun Penempatan adalah bersamaan dua bulan Elaun Sara Hidup.</li> <li>• Bagi Felo Siswazah yang bujang, Elaun Penempatan adalah bersamaan satu setengah (1½) bulan Elaun Sara Hidup.</li> </ul> |  |
| 8  | Elaun Sara Hidup (ESH)  | Mengikut kelayakan.  |  |

| NO | BENTUK KEMUDAHAN                  | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA |
|----|-----------------------------------|---|-----------------------|
| 9  | Yuran Pengajian                   | Mengikut inbois dari Institusi Pengajian  |                       |
| 10 | Elaun Buku & Alat Perkakas        | Dibayar sekali setahun mengikut kelayakan   |                       |
| 11 | Elaun BanFelo Siswazah Sewa Rumah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar bagi Felo.Siswazah yang diluluskan membawa keluarga sahaja</li> <li>• Keluarga Felo Siswazah harus tinggal bersama tidak kurang dari separuh tempoh pengajian Felo Siswazah</li> <li>• Kategori BanFelo Siswazah Sewa Rumah:               <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) Membawa anak sahaja</li> <li>(2)                   <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Satu anak tanpa suami/isteri – 20% daripada ESH</li> <li>(b) Dua anak atau lebih tanpa suami isteri – 30% daripada ESH</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>(2) Membawa Keluarga = 2/3 daripada kadar yang ditetapkan</li> </ul> |                       |
| 12 | Elaun Latihan Amali               | Dibayar sekiranya Felo Siswazah diwajibkan menjalani amali oleh pihak tempat pengajian  |                       |

| NO | BENTUK KEMUDAHAN | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA |
|----|------------------|---|-----------------------|
| 13 | Elaun Tesis      | <ul style="list-style-type: none"><li>• Dibayar sekiranya Felo Siswazah diwajibkan menyediakan tesis.</li><li>• Dibayar sekali sepanjang tempoh pengajian.</li><li>• Dibayar setelah Felo Siswazah tamat pengajian.</li><li>• Felo Siswazah perlu menyerahkan dua salinan tesis (<i>hard cover</i>) kepada Unit Cuti Belajar, Jabatan Pendaftar dan satu salinan tesis (<i>hard cover</i>) ke KPTM selepas menamatkan pengajian bagi tujuan tuntutan Elaun Tesis.</li></ul> |                       |

**SUB BAHAGIAN 2:  
(C) SYARAT-SYARAT AM**

| NO | PERKARA                           | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA |
|----|-----------------------------------|---|-----------------------|
| 1  | Tanggungjawab sepanjang pengajian | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah perlu memaklumkan alamat perhubungan iaitu:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Alamat kediaman</li> <li>(b) Alamat Pusat Pengajian</li> <li>(c) Alamat e-mail</li> <li>(d) Nombor telefon dan fax (jika ada)</li> <li>(e) Alamat penyelia</li> <li>(f) Alamat e-mail penyelia</li> <li>(g) Nombor telefon dan fax Penyelia (jika ada)</li> </ul> </li> <li>• Felo Siswazah juga diwajibkan memaklumkan tajuk penyelidikan kepada pihak USIM</li> </ul> |                       |
| 2  | Pelanjutan pengajian.             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tamat tempoh Cuti Belajar yang diluluskan.</li> <li>• Mengikut syarat dan prosedur perlanjutan</li> </ul>  |                       |
| 3  | Penangguhan pengajian             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti dan Kerajaan</li> <li>• Bagi tujuan penangguhan Felo Siswazah perlu mengemukakan :-                             <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Surat permohonan bertulis secara rasmi</li> <li>(b) Laporan dan sokongan daripada Penyelia</li> <li>(c) Laporan dan sokongan Ketua Jabatan/ Dekan di USIM</li> <li>(d) Lain-lain sokongan yang dapat membantu permohonan tersebut</li> </ul> </li> </ul>                  |                       |

| NO | PERKARA                   | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA   |
|----|---------------------------|---|---|
| 4  | Pertukaran pengajian      | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti terlebih dahulu</li> <li>● Bagi tujuan penukaran pengajian Felo Siswazah perlu mengemukakan               <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Surat permohonan bertulis secara rasmi</li> <li>(b) Laporan dan sokongan daripada Penyelia</li> <li>(c) Laporan dan sokongan Ketua Jabatan/ Dekan di USIM</li> </ul> </li> </ul>  |   |
| 5  | (i) Kemudahan Kutip Data  | TIADA   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengikut kelayakan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa</li> </ul> |
|    | (ii) Persidangan          | Mengikut kelayakan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa   |   |
| 6  | (i) Tatatertib Kerja Luar | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah tidak dibenarkan memegang jawatan yang bergaji samada secara sambilan atau secara sepenuh masa semasa mengikuti pengajian kecuali jika disyaratkan berbuat demikian untuk mendapatkan kepakaran dalam pengajian.</li> </ul>  |   |
|    | (ii) Kelakuan             | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah adalah di bawah kawalan dan pengawasan USIM dan tertakluk kepada dasar dan peraturan yang berkuatkuasa.</li> <li>● Jika kelakuan Felo Siswazah bertentangan dengan apa yang telah ditetapkan oleh USIM, USIM berhak menggantung dan/atau menamatkan fellowship pada bila-bila masa memanggil balik dengan notis bertulis dikeluarkan tanpa memberi sebarang sebab dan Felo Siswazah tidak berhak membuat sebarang tuntutan gantirugi akibat dari penamatan biasiswa ini dan juga tidak lagi berhak kepada apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.</li> </ul> |   |

| NO | PERKARA   | PENGAJIAN TEMPATAN  | PENGAJIAN LUAR NEGARA   |
|----|---|---|---|
| 6  | (iii) Penglibatan dalam pertubuhan dan badan berkanun atau kumpulan orang | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah tidak dibenarkan mengambil bahagian atau memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan berkanun atau kumpulan orang yang boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik atau tidak selaras dengan kepentingan negara tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Universiti.</li> <li>● Sekiranya Felo Siswazah didapati melibatkan diri dalam kegiatan tersebut maka USIM/KPT berhak menarik balik tawaran biasiswa ini dan Felo Siswazah dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pejanjian.</li> </ul> |   |
|    | (iv) Kegagalan/ Prestasi Pengajian Kurang Memuaskan                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Biasiswa boleh ditamatkan sekiranya Felo Siswazah tidak mencapai standard yang telah ditetapkan, atau gagal dalam mana-mana peperiksaan atau pengajian atau mendapat prestasi pengajian yang kurang memuaskan.</li> </ul>  |   |
| 7  | Kembali Bercuti   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah dan tanggungan yang pergi bercuti ke negara lain atau kembali bercuti ke Malaysia semasa dalam tempoh pengajian dikehendaki memaklumkan kepada USIM terlebih dahulu.</li> </ul>  |   |
| 8  | Kepulangan  | TIADA   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Felo Siswazah hendaklah memaklumkan tarikh sebenar kepulangan satu hingga dua bulan sebelum tamat pengajian bagi tujuan tempahan tiket kapal terbang.</li> </ul> |

| NO | PERKARA  | PENGAJIAN TEMPATAN   | PENGAJIAN LUAR NEGARA |
|----|--|--|-----------------------|
| 9  | Melapor diri   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah yang telah menamatkan pengajian/tamat tempoh yang diluluskan perlu melapor diri selewat-lewatnya 7 hari daripada tarikh tamat pengajian/tempoh tersebut ke Unit Cuti Belajar, Jabatan Pendaftaran beserta dokumen berikut:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Surat pengesahan Universiti mengenai status pengajian samada tamat/lulus/tunggu keputusan</li> <li>(b) Jika menunggu keputusan, perlu kemukakan surat permohonan sandaran.</li> </ul> </li> </ul> |                       |
| 10 | Pelepasan tidak hadir bertugas Selepas Tamat Pengajian | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Felo Siswazah layak diberi pelepasan tidak hadir bertugas selepas tamat pengajian selama tujuh hari (termasuk hari Ahad dan Cuti Am) yang dikira sehari selepas tarikh tamat pengajian atau tamat tempoh kelulusan.</li> </ul>  |                       |



**Unit Perjawatan Akademik  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Telefon : 06-798 8126 / 8115 / 8114 / 8113

Faksimili : 06-798 8034

<http://www.usim.edu.my>